

20 JUN 2002

Umno-Politik (Rangkuman)

UCAPAN DASAR DAN PENGESAHAN PUTERI UMNO CURI PERHATIAN PERHIMPUNAN

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Ucapan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bertemakan "Mendedahkan Yang Terbuka" dan pindaan perlembagaan parti bagi mengesahkan Puteri Umno sebagai entiti baru parti, adalah puncak tumpuan Perhimpunan Agung Umno hari ini.

Ucapan 28 muka surat Perdana Menteri itu antara lain menyentuh kedudukan Melayu yang masih belum selamat, perpecahan Melayu, negara Islam, hukum Hudud ala PAS, kesan keruntuhan keluarga dan keganasan.

Dr Mahathir mendedahkan satu persatu kelemahan Melayu sehingga membawa kepada kegagalan mereka walaupun pelbagai bantuan dan program dibentuk khas untuk mereka.

Ini termasuk budaya Melayu yang rata-ratanya Islam tetapi tidak mengamalkan ajaran Islam yang sebenarnya walaupun jika dilihat dari segi pakaian dan lagak orang Melayu sekarang kelihatan lebih Islam dan warak dari dahulu.

Sikap orang Melayu, katanya, tidak rajin dan suka kepada jalan yang mudah dan cepat tidak kira apa akibatnya merupakan punca kegagalan setelah mereka diberi peluang berkali-kali dan dibantu dengan pelbagai kemudahan dan juga wang.

Puteri Umno yang dibentuk pada 3 Ogos tahun lepas, sah menjadi entiti baru Umno apabila Perkhimpunan Agung Khas Umno sebulat suara meluluskan tujuh pindaan kepada perlembagaan parti.

Dengan pengesahan itu, ia kini mempunyai organisasi dan ditadbir sama seperti Pergerakan Wanita Umno dan Pemuda Umno di semua peringkat dari cawangan, bahagian, negeri dan pusat.

Keanggotaan Puteri Umno terbuka kepada wanita Melayu berusia 18 hingga 35 tahun dan sehingga 40 tahun bagi jawatan ketuanya. Terdapat kira-kira 35,000 anggota Puteri Umno setakat ini.

Isu pemberian tambahan 10 peratus tempat yang sedia ada di Maktab Rendah Sains Mara dan pusat Matrikulasi kepada bukan Bumiputera yang dijangka mendominasi perbahasan pada perhimpunan itu, tidak menarik perhatian anggota perwakilan.

Jauh berbeza dengan Perhimpunan Agung Pemuda, Wanita dan Konvensyen Puteri Umno semalam yang menyaksikan isu pendidikan menjadi tumpuan utama perbahasan.

Cuma seorang daripada enam yang berbahas, wakil Wanita Umno Rosnah Majid yang menekankan isu pendidikan secara panjang lebar dengan menggesa kerajaan merombak sistem pendidikan negara dan menekankan kepentingan pendidikan pra-sekolah untuk memudahkan pembinaan sahsiah serta berwatakan diri seseorang di tahap kanak-kanak lagi.

-- BERNAMA

JM AKT ZS RON